

Dr. Mahathir seru umat Islam perkukuh keupayaan politik, tentera

Um - 27/5/2003

with the first ever an

COLOMBO 26 Mei — Tun Dr. Mahathir Mohamad menyeru umat Islam di seluruh dunia supaya bersatu dan memperkukuhkan keupayaan politik dan ketenteraan masing-masing untuk mempertahankan hak mereka terhadap penindasan.

“Biar kita realistik. Tanpa senjata bagaimana kita (umat Islam) akan mempertahankan diri apabila tanah tumpah darah kita dirampas dan hak kita dicabuli,” kata Dr. Mahathir merujuk kepada situasi di Palestin.

Bekas Perdana Menteri itu yang diberi penghargaan oleh masyarakat Islam di Sri Lanka kerana sumbangannya bagi umat Islam dunia berkata demikian semasa berucap sebelum Majlis Umat Islam Sri Lanka menyampaikan anugerah penghormatan tertinggi *Adams Peak Award* kepadanya.

Dr. Mahathir juga menekankan perlunya umat Islam bersatu untuk menghadapi cabaran global semasa. Dr. Mahathir memulakan lawatan dua harinya ke Sri Lanka pagi ini dengan sambutan hamperan permaidaini merah di Lapangan Terbang Antarabangsa Banadara-naike.

Menteri Kewangan Dr.



DR. MAHATHIR Mohamad menerima anugerah *Adams Peak* daripada N.M. Ameen (kanan) sebagai penghargaan kepimpinannya kepada umat Islam seluruh dunia pada satu majlis di Colombo, semalam. — Gambar Bernama

Sarath Amunugama dan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di Sri Lanka Nazeeza Hussein menyambut Dr. Mahathir di lapangan terbang itu.

“Kita (umat Islam) berjumlah lebih 1.3 bilion orang tetapi antara yang terlemah dalam masyarakat global. Ini kerana perpe-

cahan di kalangan kita. Umat Islam berpecah belah dan berpuak dan ini memudaratkan masyarakat itu sendiri,” katanya. — Bernama